

# Teruskan matlamat Wawasan 2020: PM

## Pemimpin muda mesti jadikan Malaysia maju dengan lebih gigih

**Daripada Zaharah Othman**

**L**ONDON: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam berharap pemimpin masa depan akan meneruskan matlamat Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia negara maju dengan lebih gigih lagi. Berucap menjelaskan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) kepada pegawai kerajaan dan pelajar Malaysia disini semalam, Perdana Menteri berkata, Misi Nasional itu umpama lari berganti-ganti yang memerlukan pelari seterusnya berlari lebih pantas.

Katanya, orang yang menyerahkan baton itu mesti memastikan bahawa dirinya sudah melakukan yang terbaik manakala pelari seterusnya memastikan dirinya tidak terlepas baton dan menamatkan larian dalam masa ditetapkan.

"Ini hanyalah pusingan pertama. Pelari kedua yang menyambut baton ini diharapkan berlari dengan lebih cepat lagi dan pelari ketiga serta terakhir dapat menamatkan lariannya dalam masa ditetapkan.

"Gabungan usaha dalam lari berganti-ganti ini akan menghasilkan Malaysia sebagai negara dan bangsa yang maju," katanya. Abdullah singah di sini dalam perjalanannya ke St Vincent.

Dalam pertemuan yang disifatkannya sebagai taklimat pertama selepas RMK-9 diluluskan Dewan Rakyat Khamis lalu, Abdullah turut menyatakan harapan untuk menyaksikan sendiri saat Malaysia mencapai matlamat itu.

Perdana Menteri berkata, saat itu adalah sesuatu yang harus dibanggakan dan disyukuri semua rakyat kerana dikurniakan Allah kekuatan

*"Ini hanyalah pusingan pertama. Pelari kedua yang menyambut baton ini diharapkan berlari dengan lebih cepat lagi dan pelari ketiga serta terakhir dapat menamatkan lariannya dalam masa ditetapkan"*

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

untuk menghadapi cabaran besar itu.

"Saya berharap agar, ketika dada pelari terakhir itu menyentuh tali 2020 itu, saya dapat menyaksikannya dan mendengar perisytiharan bahawa Malaysia sudah menjadi negara maju," katanya.

Sehubungan itu, Abdullah mengingatkan pelajar yang bakal menjadi pemimpin negara supaya melengkapkan diri bagi menghadapi cabaran secepat yang lebih getir dalam usaha menjayakan misi negara itu.

Katanya, pelajar tidak akan selamanya berada di barisan belakang dan menjadi pengkritik kepada apa yang dirancang dan dilaksanakan kerajaan.'

"Persiapkanlah diri untuk peranan ini, sebab kami menyediakan peluang yang kami mahu anda semua terima," katanya.